



TEKS UCAPAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN JASIN (MPJ)
19 MEI 2020 (SELASA), MASA: 1100 PAGI
BILIK MESYUARAT ARAS 2 VISTA ALAMANDA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan

Salam Sejahtera

Terima kasih Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri;

Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Ghafar bin Atan,
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan
Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka;
Yang Berbahagia Datin Sapiah bt Haron,
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin;

Yang Berusaha Encik Farhan bin Abdul Rahim,
Setiausaha Majlis Perbandaran Jasin;

Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ);

Ketua-ketua Jabatan; seterusnya tuan-tuan dan puan-puan
sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat bersama-sama berkumpul di Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) pada hari yang mulia ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik secara rasmi sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) pada hari ini.

3. Sekalung penghargaan saya ucapkan juga kepada Majlis Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) kerana mengadakan majlis seperti ini, maka dapatlah saya bertemu dan berkenalan dengan Ahli-ahli Majlis yang baharu dilantik ini. Bak kata pepatah Melayu, "*Tak kenal maka tak cinta*". Justeru, saya suka untuk mengenali

dengan lebih akrab setiap Ahli-Ahli Majlis atau setiap kakitangan supaya jauhnya tidak sedepa, dekatnya tidak sejengkal.

Tuan-tuan dan puan-puan,

AMANAHA DAN TANGGUNGJAWAB

4. Pelantikan Ahli Majlis PBT adalah berpandukan peruntukan yang diberi kepada pihak berkuasa negeri di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Amanah dan tanggungjawab ini amat

berat dan penting kerana tuan-tuan dan puan-puan adalah pemimpin kepada masyarakat di kawasan masing-masing. Barisan Ahli Majlis baharu perlu mengetahui matlamat PBT, dasar kerajaan negeri dan persekutuan. Oleh kerana itu, dalam melaksana kewajipan dan tugas sebagai Ahli Majlis, lengkapkanlah diri dengan ilmu dan kefahaman terhadap fungsi, peranan dan tugas yang disandang, peka terhadap hal ehwal kerajaan tempatan, prihatin akan permasalahan masyarakat setempat serta ambil tahu keadaan sekeliling dan global.

KRITERIA DAN KPI AHLI MAJLIS

5. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 7/2018 telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Ahli Majlis yang bertujuan untuk mengukur prestasi kerja Ahli Majlis sepertimana yang diaplikasikan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Pelaksanaan KPI ini dapat memastikan tugas dan peranan seseorang Ahli Majlis dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

6. KPI yang pertama adalah **KEHADIRAN KE MESYUARAT & PROGRAM JABATAN**. KPI ini adalah ditetapkan untuk memastikan suara dan peranan Ahli Majlis sebagai pimpinan masyarakat setempat dibawa ke mesyuarat. KPI ini juga dikira berdasarkan jumlah mesyuarat dan kehadiran.

7. KPI yang kedua adalah **PENGANJURAN PROGRAM KEBERSIHAN**. Negeri Melaka yang begitu terkenal dengan kebersihannya suatu ketika dahulu perlu dibangkitkan semula dan saya menyeru Ahli-Ahli Majlis semua bersama-sama membantu Kerajaan Negeri untuk mengembalikan

kegemilangan tersebut dengan menganjurkan program-program kebersihan di kawasan masing-masing.

8. KPI yang terakhir adalah **PENGURUSAN ADUAN AWAM**. KPI ini ditetapkan untuk memupuk sikap selalu turun padang untuk melihat keadaan sebenar serta memahami keperluan penduduk di kawasan masing-masing. Ahli Majlis berperanan dalam penyaluran dan penyelesaian aduan awam yang terletak di bawah kuasa PBT serta dikehendaki membentangkan Laporan Aduan Awam Bulanan mengikut kawasan beserta

status terkini aduan-aduan tersebut. Dengan cara ini, masyarakat akan lebih nampak dan mengetahui peranan Ahli Majlis.

9. Sebagai Ahli Majlis, tuan-tuan dan puan-puan diharapkan dapat memberi sepenuh komitmen kepada tugas baharu ini, dengan membantu Yang Dipertua serta semua warga kerja MPJ dalam melaksanakan segala gerak kerja dan agenda perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan nanti. Bekerjalah seperti “*aur dengan tebing*”, agar segala

tanggungjawab yang direncanakan dapat dilunaskan dengan lebih pantas dan efisien.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

10. Sejak mengambil alih tampuk kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka sebagai Ketua Menteri pada 9 Mac 2020 yang lepas, antara agenda utama pentadbiran saya adalah untuk mengembalikan semula status negeri Melaka dan Bandaraya

Melaka ini sebagai sebuah negeri dan bandaraya yang terbersih di negara ini.

11. Pada Majlis Angkat Sumpah Jawatan Datuk Bandar MBMB dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum ini, saya turut menekankan semua empat (4) PBT di negeri Melaka agar dapat menjadikan agenda kebersihan dan keceriaan di kawasan pentadbiran masing-masing sebagai keutamaan.

12. Saya juga berharap tuan-tuan dan puan-puan sebagai Ahli Majlis dapat bekerja sebagai satu pasukan, untuk bersama-sama berganding bahu dengan Yang Dipertua serta seluruh warga kerja MPJ.

13. Tuan-tuan dan puan-puan, bersama-sama dengan Yang Dipertua, ketua-ketua jabatan serta seluruh warga kerja MPJ merupakan benteng dan tunjang utama kepada pentadbiran Kerajaan Negeri selain kerjasama dan sokongan padu yang diberikan oleh barisan jentera perkhidmatan awam negeri

Melaka yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri.

14. Justeru, besar harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik dapat memainkan peranan sebagai perantara dan pemudah cara antara MPJ dan masyarakat di negeri Melaka ini sekali gus mengangkat martabat PBT bertunjangkan komitmen yang berintegriti, dinamik dan prihatin. Natijahnya, lahirlah Melaka yang sejahtera dan makmur dalam segala budaya kehidupan dan budaya pembangunan.

15. Tuan-tuan dan puan-puan perlu sentiasa ingat bahawa rakyat itu umpama akar yang menyuburkan pohon. Maka, tuan-tuan dan puan-puan perlulah menjadi pohon yang sentiasa teguh dan kuat demi memperkasakan pembentukan tamadun bangsa. Tidak akan berdiri sesuatu pohon itu jikalau tiada akarnya.

16. Jika ada sebarang masalah atau apa-apa sahaja isu yang melibatkan rakyat, tuan-tuan dan puan-puan perlulah memainkan peranan secara proaktif, berhemah dan penuh bijaksana.

17. Perkara yang paling utama ingin saya tekankan adalah, sebarang masalah yang dihadapi oleh rakyat dan masyarakat setempat mesti dapat diselesaikan dalam tempoh yang munasabah. Hal ini selaras dengan penekanan pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah pimpinan saya yang mahu segala

denyut nadi rakyat didengari dan diambil tindakan penyelesaian yang sewajarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

18. Masyarakat hari ini, sama ada yang duduk di bandar, pinggir bandar mahupun di kampung-kampung sudah banyak mengalami perubahan berbanding dengan 10 atau 20 tahun yang lepas.

19. Dengan kewujudan pelbagai kemudahan teknologi moden seperti telefon pintar serta akses kepada Internet yang lebih mudah, pantas dan meluas, ia turut mempengaruhi corak pemikiran dan tindak balas masyarakat.

20. Jika dahulu, masyarakat mungkin kurang terdedah kepada sebarang maklumat atau perkara yang mungkin tidak berlaku di sekeliling mereka, tetapi sekarang dengan adanya kemudahan teknologi yang moden, mereka kini mudah memperoleh sebarang maklumat, dengan hanya di hujung jari sahaja.

21. Dalam hal ini, tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik sebagai Ahli Majlis juga perlu peka, selain mampu menguasai kemahiran teknologi moden ini termasuk penggunaan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Whatapps dan Telegram untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih mudah.

22. Hal ini penting bagi membolehkan tuan-tuan dan puan-puan memantau, seterusnya mengangkat segala aduan,

masalah, isu mahupun cadangan yang dibangkitkan oleh rakyat, untuk diselesaikan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

23. Dalam hal ini, besar harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan perlu sentiasa memberi ruang kepada rakyat untuk mengadu masalah mereka di mana-mana khususnya di pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN). Tuan-tuan dan puan-puan juga perlulah menyediakan jadual dan hari-hari tertentu bagi

memudahkan rakyat untuk bertemu dan mengadu masalah mereka.

PENUTUP

24. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik. Harapan saya semoga tuan-tuan dan puan-puan semua dapat bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu

saya dan Kerajaan Negeri Melaka dalam memajukan lagi sektor ekonomi dan memakmurkan negeri Melaka ini.

*Kelapa dikait di hujung desa,
Memetik pula daun pegaga,
Negeri Melaka Aman Sentosa,
Kebersihan juga terus dijaga.*

Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.